



UCAPAN OLEH YB. DATO' SERI KONG CHO HA,

MENTERI PENGANGKUTAN

KEMPEN KESELAMATAN KALI KE-13 YAMAHA BALIK KAMPUNG

18 OGOS 2011

Yang Berbahagia, Dato' Wee Hong,
Pengerusi Persatuan Peniaga Motorsikal dan Skuter Malaysia (MMSDA),

Yang Berusaha, Mr C.H. Ng,
Pengarah Pengurusan, Hong Leong Yamaha Motor Sdn. Bhd.-

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Pengangkutan

Rakan-rakan Media,

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Selamat sejahtera dan Salam 1Malaysia,

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Hong Leong Yamaha Motor kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan pelancaran Kempen Keselamatan Yamaha Balik Kampung yang ke-13. Memandangkan musim perayaan bakal tiba, penganjuran Kempen Keselamatan Yamaha Balik Kampung ini adalah amat bertepatan dengan masanya.

Pada setiap musim perayaan, memang menjadi fenomena jalan-jalan utama dan lebuhraya mengalami peningkatan kenderaan yang mengakibatkan kesesakan terutamanya di jalan biasa dan lebuhraya. Menurut Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dianggarkan sejuta kenderaan menggunakan lebuhraya pada hari biasa dan meningkat kepada 1.4 juta kenderaan apabila menjelangnya musim perayaan Hari Raya Aidilfitri pada setiap tahun.

Di sini, saya ingin menasihatkan semua pengguna jalan raya dan terutamanya kepada penunggang motorsikal untuk sentiasa mengutamakan keselamatan di jalanraya sebagai satu budaya dan bertimbangrasa semasa menghadapi ragam pengguna jalan raya yang lain.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Penunggang motorsikal masih lagi menjadi kumpulan pengguna jalanraya yang paling terdedah dan paling berisiko tinggi dalam kes-kes kemalangan jalan raya di Malaysia. Ini adalah kerana kebanyakkan penunggang motosikal sering mengabaikan isyarat lalulintas dan sering mengabaikan aspek-aspek penyelenggaraan motosikal mereka.

Melalui kempen-kempen sebegini ianya dapat membantu penunggang motosikal untuk mengetahui teknik-teknik tunggangan motorsikal dengan selamat dan juga mengetahui aspek-aspek penyelenggaraan motorsikal mereka agar mereka tidak menghadapi masalah apabila pulang berhari raya nanti.

Berdasarkan rekod Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), jumlah pendaftaran motorsikal bagi tempoh **Januari hingga Jun tahun ini ialah 296,383** unit berbanding **288,968** unit bagi tempoh yang sama tahun **2010**, iaitu **peningkatan sebanyak 2.56% atau 7,415 unit**.

Bagi tempoh **Januari hingga Mei tahun ini**, kematian yang melibatkan pengguna motorsikal ialah sebanyak **1,658 kematian** manakala bagi **tempoh yang sama tahun 2010** ialah sebanyak **1,700 kematian**. Walaupun terdapat pengurangan 42 kematian, angka ini masih dianggap tinggi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Kementerian Pengangkutan Malaysia melalui Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) seringkali mengadakan kempen keselamatan jalan raya pada setiap masa dan digandakan lagi setiap kali menjelangnya perayaan besar seperti Perayaan Hari Raya Aidilfitri yang akan disambut oleh umat Islam dipenghujung bulan ini.

Dalam setiap kempen advokasi keselamatan jalan raya yang dilaksanakan, antara inisiatif JKJR adalah untuk menggantikan topi keledar yang lusuh atau yang tidak menepati piawaian SIRIM kepada penunggang dan pembonceng motosikal di kawasan-kawasan kempen tertentu. Ini adalah kerana, **58% daripada kematian** yang melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal adalah disebabkan oleh kecederaan di kepala. Semenjak 2007, sebanyak 150,000 topi keledar telah diedarkan melalui inisiatif ini.

Jadi pakailah topi keledar yang mempunyai piawaian SIRIM dan ikatlah topi keledar anda dengan cara yang betul supaya ianya tidak tertanggal apabila anda terlibat dalam kemalangan. Saya juga menyeru kepada media massa yang hadir pada pagi ini untuk bersama-sama menghebahkan kempen keselamatan jalan raya sebegini melalui saluran media massa masing-masing seperti TV, suratkabar, radio, internet atau media baru seperti ‘Facebook’ atau ‘Twitter’.

Kementerian Pengangkutan, Jabatan Keselamatan Jalan Raya, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Pihak Polis Trafik menyediakan pelbagai maklumat tentang keselamatan jalan raya dalam laman web kementerian dan jabatan masing-masing dalam usaha memberi panduan dan pendidikan kepada orang ramai akan pentingnya keselamatan jalan raya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Walaupun kerajaan selalu menggalakkan penggunaan kenderaan awam, tetapi masih ramai lagi di antara kita yang tetap bergantung kepada kenderaan persendirian. Bagi golongan ini, saya meminta dan berharap agar mereka dapat memastikan kenderaan mereka dalam keadaan yang baik dalam setiap perjalanan yang dirancang. Pemeriksaan keselamatan 15 point keselamatan motosikal secara percuma yang ditawarkan oleh Hong Leong Yamaha Motor adalah satu inisiatif yang amat baik dan sememangnya digalakkan oleh kerajaan.

Ianya merupakan satu langkah positif pihak pengajur dalam menyokong usaha kerajaan menangani isu-isu keselamatan jalan raya di Malaysia. Kerajaan sentiasa menggalakkan dan menyokong inisiatif kempen keselamatan jalan raya yang dijalankan oleh sektor swasta dan saya difahamkan kempen keselamatan ini telah berjalan selama lebih dari 13 tahun. Syabas dan tahniah saya ucapkan dan diharap ianya diteruskan lagi dimasa akan datang.

Melalui kempen-kempen sebegini ianya dapat mendidik penunggang motosikal untuk sentiasa mengutamakan keselamatan diri dan orang lain semasa di jalan raya disamping untuk memupuk kesedaran tentang pentingnya aspek penyelenggaraan motosikal dengan cara yang betul. Saya menyeru semua penunggang motosikal untuk meluangkan masa dan menghantar motosikal anda untuk diperiksa sebelum pulang untuk berhari raya di kampung halaman.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya juga menggesa semua penunggang motorsikal dan pemandu kenderaan untuk lebih bertanggungjawab dan mengambil langkah-langkah keselamatan jalan raya demi keselamatan mereka sendiri dan juga pengguna jalanraya yang lain. Marijadikan musim perayaan ini satu temasya yang gembira dan meriah di mana kita dapat pulang berhari raya bersama ahli keluarga serta sahabat handai dan pulang semula ke ibu kota atau ke rumah masing-masing dengan selamat setelah selesai berhari raya di kampung halaman.

Berhati-hati dan bertimbangrasa semasa berada di jalan raya kerana Keselamatan Jalan Raya, Tanggungjawab Kita Bersama. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Persatuan Peniaga Motorsikal dan Skuter Malaysia (MMSDA) dan Hong Leong Yamaha Motor di atas usaha yang gigih dan murni mereka dalam mempromosikan keselamatan jalan raya di kalangan penunggang motorsikal.

Dengan ini, saya merasmikan pelancaran Kempen Keselamatan Yamaha Balik Kampung yang ke 13 pada tahun 2011.

Sekian, Terima Kasih.